

28.6.2021

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

## **2 KERJA PEMBAIKAN PADA SALURAN PAIP 825MM DI BAWAH JAMBATAN TUNKU ABDUL RAHMAN, BUTTERWORTH SELESAI**

- **Perkhidmatan bekalan air bagi 14,873 pengguna berdaftar pulih dari pukul 10.00 malam, Ahad (27.6.2021).**
- **Kelewatan dalam pemulihan perkhidmatan bekalan air disebabkan oleh 2 (dan bukan 1) pembaikan saluran paip di bawah Jambatan Tunku Abdul Rahman dan 2 paip sambungan kecemasan.**

PULAU PINANG, Isnin, 28.6.2021: Perkhidmatan bekalan air kepada 14,873 pengguna air berdaftar di Butterworth, yang terjejas oleh gangguan bekalan air tidak berjadual, telah dipulihkan mulai pukul 10 malam semalam.

### **Kebocoran pertama: Gangguan bekalan air berjadual**

Pada 25.6.2021, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) pada awalnya memulakan kerja untuk memperbaiki kebocoran pada saluran paip keluli lembut 825mm di bawah Jambatan Tunku Abdul Rahman di Butterworth.

Tujuannya adalah untuk mengelak kehilangan lebih banyak air dan membolehkan tekanan bekalan air yang lebih baik di Butterworth dan Perai.

Kerja pembaikan berjadual menjejaskan pengguna-pengguna air di kawasan-kawasan berikut:

“Tiada Bekalan Air”		“Tekanan Air Rendah”	
a.	Butterworth	a.	Taman Sungai Nyior
b.	Kg. Perlis	b.	Jalan Bagan Luar
c.	Kompleks Chain Ferry	c.	Taman Selat
d.	Taman Inderawasih	d.	Taman Kampung Jawa
e.	Taman Perai Utama	e.	Taman Bagan Baru
f.	Taman Mas	f.	Taman Limbungan
g.	Taman Perai	g.	Taman Kapal
h.	Kuarters TNB	h.	Kawasan Bagan Dalam
i.	Kawasan Perusahaan Perai I		
j.	Kawasan Perusahaan Perai II		
k.	Kawasan Perusahaan Perai III		
l.	Kawasan Perusahaan Perai IV		
m.	Chai Leng Park		
n.	Taman Senangin		
o.	Taman Kimsar		
p.	Kampung Manis		

Jarak masa awal 12 jam untuk gangguan bekalan air berjadual ini adalah dari 10.00 malam pada 25.6.2021 hingga 10.00 pagi pada 26.6.2021. Kerja ini disiapkan lebih awal dari jadual pada 26.6.2021.

### **Kebocoran kedua: Gangguan bekalan air tidak berjadual**

Malangnya, ketika kerja pembaikan pada kebocoran pertama, kakitangan PBAPP mendapati kebocoran kedua di sepanjang saluran paip yang sama pada 26.6.2021.

Untuk memperbaiki kebocoran kedua, PBAPP harus segera melaksanakan 2 kerja pemasangan sambungan kecemasan untuk menyambung semula bekalan air kepada pengguna yang terjejas:

1. Menyambung saluran paip 825mm kepada saluran paip 600 mm (sepanjang 1.5m)  
- selesai pada pukul 2.00 petang, 26.6.2021
2. Menyambung saluran paip 600mm kepada saluran paip 150mm (sepanjang 7m)  
- selesai pada pukul 8.00 malam, 26.6.2021

Berikutan kerja-kerja paip sambungan kecemasan ini, bekalan air

kemudiannya dipulihkan kepada pengguna pada pukul 8 malam, 26.6.2021.

Kerja pembaikan pada kebocoran kedua bermula pada pukul 8 pagi, 27.6.2021. Oleh kerana kebocoran kedua terletak berhampiran bahagian tengah jambatan (di atas air), ia melibatkan penggunaan bot tunda serta menyediakan platform pontun dan perancah untuk membolehkan kerja-kerja kimpalan.

Pasukan pembaikan terdiri daripada 24 kakitangan dari bahagian operasi PBAPP dan 19 orang dari pihak kontraktor. Mereka juga harus menghadapi cabaran paras air sungai yang berubah-ubah akibat pasang surut.

Kerja pembaikan selesai pada pukul 7 malam, 27.6.2021. Oleh itu, bekalan air ke semua kawasan yang terjejas telah pulih dari pukul 10 malam.

### **Kejadian yang jarang berlaku: 2 kerja pembaikan berturut-turut di satu lokasi**

PBAPP memohon maaf kepada semua pengguna air terjejas oleh “gangguan bekalan air berjadual” dan kemudiannya “gangguan bekalan air tidak berjadual”.

Ini adalah kejadian yang jarang berlaku di Pulau Pinang. Walaupun begitu, 2 operasi pembaikan saluran paip yang dijalankan dari 25.6.2021 hingga 27.6.2021 memulihkan bekalan air kepada pengguna air yang terjejas di Butterworth dan Perai.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : syarifah@pba.com.my